

## 32 Staf UMS Dilantik Ahli Akrab Care

Terakhir dikemaskini: Selasa, 24 April 2018 10:25 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1523

[Kongsi 276](#)
[Syorkan 276](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**ISNIN, 23 APRIL –**  
Seramai 32 staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dilantik sebagai ahli Akrab Care, satu kumpulan yang dibentuk dalam kalangan kakitangan UMS yang bertujuan untuk memberi bantuan dan bimbingan kepada

kakitangan berprestasi rendah atau terlibat dalam ‘Exit Policy’ serta mempunyai permasalahan dalam kehidupan sehari-hari.

Pendaftar UMS, No'man Ahmad berkata, beliau yakin dengan kekuatan seramai 32 orang ahli tersebut untuk membantu meningkatkan semangat bekerja dan menghulurkan bantuan dari segi khidmat nasihat dan kaunseling kepada warga kakitangan lain bagi membantu mereka mencari jalan keluar dari sesuatu permasalahan yang membenggu mereka.

“Diharapkan ahli-ahli Akrab Care mampu menggalas tanggung jawab membantu rakan-rakan yang bukan sahaja mempunyai masalah peribadi, malah mungkin turut berhadapan dengan masalah tekanan di tempat kerja.

“Anda semua haruslah lebih proaktif dalam menangani rakan-rakan yang berhadapan masalah agar mereka tidak terjerumus kepada permasalahan yang lebih berat, sekali gus menjelaskan prestasi kerja yang kemudiannya memberi kesan besar kepada jabatan dan organisasi UMS secara keseluruhannya,” katanya ketika berucap sempena Majlis Pengiktirafan Akrab Care di Galeri Majlis UMS, baru-baru ini.

Beliau menambah, dengan adanya fungsi Akrab Care juga diharapkan sasaran untuk meningkatkan indeks kegembiraan dalam kalangan warga UMS yang pada ketika ini adalah sebanyak 73 peratus, dapat ditingkatkan kepada 85 peratus.

Pada majlis tersebut, beliau menyampaikan sijil penghargaan kepada 32 ahli Akrab Care sebagai tanda pengiktirafan kepada mereka untuk menjalankan khidmat bimbingan dan kaunseling.

Hadir sama pada majlis tersebut Ketua Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Raffie Janau dan pengerusi Akrab Care, Sharifah Ismail.